Mpox: 46 kes negatif, 5.2 juta saringan

Oleh Izz Laily Hussein - September 6, 2024 @ 8:42am
bhnews@bh.com.my



Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menunjukkan pelekat pengiktirafan BeSS kepada premis yang telah diperiksa dan didapati bersih serta memenuhi kriteria ditetapkan di Jalan Dhoby, Johor Bahru. - Foto NSTP/Nur Aisyah Mazalan

JOHOR BAHRU: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan sebanyak 46 kes yang disyaki suspek virus cacar monyet atau 'monkeypox' (Mpox) adalah negatif.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata jumlah itu diperoleh hasil saringan yang dibuat terhadap 5.2 juta pengembara yang masuk ke negara ini setakat ini.

"Mutakhir ini, kita sudah saring 5.2 juta (pengembara) dan daripada jumlah itu kita dapat 46 kes suspek Mpox, namun berita gembiranya, semua negatif.

"Sehingga kini, kita belum berdepan apa-apa cabaran, semoga ia kekal begini. Terakhir, kita berdepan kes positif dalam varian clade II (dua) bukan I (satu) yang lebih ganas iaitu sembilan kes pada Disember 2023," katanya di sini, malam tadi.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Ling Tian Soon dan Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr Mohtar Pungut @ Ahmad.

Dr Dzulkefly berkata, sejak 16 Ogos lalu, KKM sudah memulakan segala langkah siap sedia terutamanya di pintu-pintu masuk sempadan negara.

Dalam lawatan ke negeri ini, beliau turut memantau operasi di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) bagi memastikan semua langkah kesiapsiagaan telah diletakkan.

Jangan banding kes di Singapura

Pada masa sama, beliau berharap situasi Mpox di negara ini tidak dibandingkan dengan negara jiran, Singapura, bagi mengelakkan suasana menggusarkan.

"Jangan terlalu buat perbandingan dengan Singapura. Kita punya cabaran sendiri dan SOP (prosedur operasi standard) yang kita telah letakkan. Singapura ada kuarantin, kita tidak sampai ke tahap itu kerana kita masih lagi terkawal, tiada kes positif.

"Kita tidak mahu orang berlengah-lengah atau cuai, tetapi pada waktu sama, kita tidak mahu orang digemparkan dengan apa juga pendekatan yang boleh menggusarkan.

"Ini bukan pandemik macam Covid-19 yang berulang sehingga ada 'lock down' dan sebagainya, itu semua jangan kita bayangkan," jelasnya.

Mengenai Program Walkabout Premis BeBAs, pemeriksaan telah dijalankan membabitkan 30 premis di Jalan Dhoby di sini, dengan sembilan premis makanan berjaya mendapat pengiktirafan premis 'Bersih dan Selamat' (BeSS).

Dr Dzulkefly berkata, pemantauan berterusan akan dibuat bagi memastikan aktiviti menghisap shisha dan aktiviti merokok yang lain dapat dibendung dengan jayanya bagi melindungi golongan yang tidak merokok.

Program Walkabout BeBAs ini merupakan komitmen KKM terhadap kesihatan dan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Premis yang telah diperiksa dan didapati bersih serta memenuhi kriteria tertentu akan diberi Pengiktirafan BeSS.